

Keputusan tawaran konsortium beli ekuiti Nanyang 24 Jun

UM 20 JUN 2004
PUTRAJAYA 19 Jun — Keputusan mengenai tawaran pembelian 72.35 peratus ekuiti dalam **Nanyang Press Holdings Bhd. (Nanyang)** oleh sebuah konsortium dijangka diketahui pada 24 Jun ini.

Wakil konsortium itu, Tan Sri Lim Guan Teik berkata, pihaknya masih belum mendapat sebarang jawapan daripada MCA.

Menurutnya, konsortium itu juga kini menunggu kajian yang akan dibuat oleh Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik.

“Setakat ini, anda tahu kita baru maklumkan secara rasmi hasrat kita semalam, mereka respon nak tangguh selama 10 hari, saya rasa sebarang maklumat ialah selepas 24 Jun ini,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Ditanya sama ada pertemuan itu diadakan untuk membincangkan isu pembelian saham **Nanyang**, Lim berkata, pertemuan itu hanyalah untuk menjemput Dr. Mahathir ke majlis makan malam anjuran Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina (ACCCIM).

Beliau yang juga Presidennya berkata, adalah kebiasaan ACCCIM bertemu dengan Perdana Menteri sama

ada untuk berbincang atau dipanggil oleh beliau.

“Pertemuan ini hanya untuk menjemput Dr. Mahathir ke majlis makan malam, nak tetapkan tarikhnya, kita tidak bincang isu **Nanyang**.”

“Pertemuan itu hanya berlangsung selama 30 minit sahaja kerana Dr. Mahathir mempunyai jadual yang sangat sibuk,” katanya.